

Kecerdasan Emosi dan Hubungannya Dengan Pencapaian Akademik dan Tingkahlaku Pelajar

PROF. MADYA DR. AZIZI HJ. YAHAYA
YUSOF BOON

Fakulti Pendidikan
Unibersiti Teknologi Malaysia
Skudai, Johor
AMIR HAMZAH ABDUL
Universiti Utara Malaysia
Kedah

ABSTRAK: Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti jenis-jenis dimensi kecerdasan emosi pelajar serta hubungannya dengan pencapaian akademik dan tingkah laku kenakalan pelajar. Seramai 359 pelajar tingkatan empat Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Sardon, Sekolah Menengah Kebangsaan Rengit, Sekolah Menengah Kebangsaan TM Iskandar dan Sekolah Menengah Kebangsaan Senggarang, Batu Pahat Johor telah dipilih sebagai responden kajian ini. Mereka dipilih secara rawak kelompok. Satu set soal selidik telah digunakan untuk kajian ini. Soal selidik bahagian B merupakan soal selidik yang dibina oleh penyelidik dengan gabungan beberapa inventori dan ujian kecerdasan emosi yang diubahsuai, manakala bahagian C merupakan ubahsuai daripada senarai kod item pelanggaran disiplin sekolah yang dikeluarkan oleh bahagian sekolah Kementerian pendidikan Malaysia (1990). Kebolehpercayaan soal selidik diuji dengan menggunakan kaedah “Cronbach alfa” yang menunjukkan nilai kebolehpercayaan 0.9515 bagi bahagian B dan 0.7512 bagi bahagian C. Data dianalisis dengan menggunakan kaedah statistik deskriptif iaitu peratusan, min dan sisihan piawai kepada jenis-jenis dimensi kecerdasan emosi dan tingkah laku kenakalan. Manakala statistik inferensi iaitu analisis korelasi Pearson digunakan untuk menunjukkan hubungan antara pemboleh ubah iaitu hubungan kecerdasan emosi dengan pencapaian akademik dan hubungan kecerdasan emosi dengan tingkah laku kenakalan. Analisis dapatan kajian menggunakan perisian SPSS menunjukkan terdapatnya hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi dengan pencapaian akademik pelajar iaitu pada nilai 0.163 dan aras signifikan 0.002. Manakala analisis kajian juga menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara kecerdasan emosi dengan tingkah laku kenakalan pelajar.

Pengenalan

Falsafah Pendidikan Negara pada tahun 1987 telah menggariskan beberapa faktor penting yang perlu dilaksanakan dalam bidang pendidikan. Dalam sesebuah negara pendidikan adalah teras bagi menjamin penghasilan sumber manusia yang dapat memenuhi keperluan di dalam pelbagai bidang. Melalui pendidikan juga akan dapat melahirkan rakyat yang berdisiplin, jujur dan berakhlak mulia. Lantaran itu falsafah pendidikan negara telah menggariskan kenyataan berikut:

“ Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara”

Hasil daripada penelitian terhadap falsafah pendidikan di atas, adalah jelas bahawa perkara yang amat diberikan perhatian di dalam sistem pendidikan negara ini adalah mewujudkan insan yang seimbang dan harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.

Tiga unsur yang akan diberikan keutamaan di dalam kajian ini meliputi aspek intelek, emosi dan rohani. Aspek intelek dilihat melalui konteks pencapaian akademik yang merangkumi kemahiran asas iaitu membaca, menulis dan mengira, sentiasa berusaha meningkatkan ilmu pengetahuan, mempunyai daya pemikiran yang kreatif dan kritis supaya mampu menghasilkan idea-idea yang bernas. Emosi pula adalah di dalam bentuk pengukuran kecerdasan emosi, iaitu dari aspek mempunyai perasaan yang tenang dan berfikiran waras. Aspek rohani dan jasmani dari segi tingkahlaku yang menekankan tingkahlaku yang terkawal serta memiliki dan memupuk kasih sayang (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992)

Emosi dan perasaan seperti tangisan, gelak ketawa, kesedihan dan ketakutan mencorakkan warna kehidupan, membentuk sikap dan personaliti serta menggerakkan arah hidup manusia. Perkataan emosi berasal dari perkataan Greek “emovere” yang membawa maksud ‘untuk keluar’. Emosi akan ditonjolkan keluar sebagai satu bentuk bagi memenuhi kepuasan seseorang. Emosi boleh ditakrifkan sebagai satu keadaan yang dialami oleh manusia yang melibatkan beberapa perubahan proses fisiologi, diri dan psikologi. (Mohmood Nazar Mohamad, 1992).

Ahmad Sukardi Aziz (1980), mengatakan bahawa sebarang usaha ke arah penyesuaian akan menimbulkan berbagai masalah. Cara menyelesaikan masalah ini banyak bergantung kepada pengalaman yang sudah ada pada diri individu itu sendiri melalui proses interaksi dengan persekitarannya sebelum itu. Dalam proses perkembangan di zaman moden ini, individu terpaksa menempuh banyak situasi baru. Ini menimbulkan masalah kepadanya. Masalah penyesuaian ini timbul disebabkan adanya konflik dalam diri individu bagi memenuhi kehendak persekitarannya.

Hurlock (1973), mengatakan bahawa masalah emosi juga perlu dilihat dari aspek kesannya ke atas individu, masyarakat dan juga negara. Gangguan dan ketegangan emosi yang tinggi atau berterusan bukan hanya mempengaruhi tingkahlaku tetapi juga sikap dan keadaan psikologikal, nilai dan kebolehan mereka.

Erikson (1968) mendapati bahawa keadaan kritikal dalam diri seseorang pelajar boleh mempengaruhi keadaan emosi pelajar tersebut. Piaget (1950) pula berpendapat bahawa domain kognitif dan kesannya mempengaruhi perkembangan intelek pelajar yang seterusnya mempengaruhi emosi menerusi persepsi, pembelajaran dan ingatan. Teori Perkembangan Etika dan Kognitif oleh Perry (1970) mendapati bahawa emosi pelajar dipengaruhi oleh sistem nilai diri dan nilai komitmen dari dalam dirinya. Kohlberg (1969) menjelaskan bahawa perkembangan kognitif dapat membawa kepada kemajuan dalam penyelesaian masalah dan pilihan moral.

Morgan (1966), mengatakan bahawa kesihatan mental merupakan asas kepada masalah kesihatan di Amerika. Penyelidikan mengenai kesihatan mental ini telah dijalankan secara meluas oleh hospital-hospital, universiti-universiti, kerajaan dan agensi-agensi lain. Beberapa kempen telah dijalankan untuk memberitahu kepada pihak awam tentang hal-hal yang berkaitan dengan kesihatan mental. Lebih banyak klinik-klinik didirikan di negeri-negeri dan bandar-bandar untuk kanak-kanak dan orang dewasa datang dan mengemukakan masalah penyesuaian mereka. Tujuan umum klinik tersebut ialah untuk mengesan masalah emosi pada peringkat awal agar ia tidak berlarutan dan tenat. Ternyata di sini menunjukkan bahawa sebahagian besar masalah penyesuaian yang dialami oleh individu adalah berkaitan dengan masalah emosi. Hebb (1967), menegaskan bahawa kegagalan untuk mewujudkan penyesuaian akibat dari gangguan emosi boleh membawa kepada sakit jiwa.

Tingkah laku kenakalan atau devian membawa maksud orang yang tidak mengikut peraturan atau perlakuan seperti mana yang dikehendaki oleh kebiasaan masyarakat atau tingkah laku yang tidak selari dengan kehendak masyarakat di mana individu itu tinggal. Menurut Mc CaGhy (1985) tingkah laku kenakalan adalah tingkah laku yang tidak diterima oleh masyarakat. Lemert (1972) pula menerangkan bahawa tingkah laku kenakalan atau devian merupakan pelanggaran norma-norma masyarakat.

Walaupun para pelajar mempunyai tahap kebolehan yang hampir sama tetapi pencapaian akademik mereka adalah berbeza. Percanggahan ini mungkin disebabkan oleh beberapa faktor yang mempengaruhi kebolehan pembelajaran seseorang. Berdasarkan pernyataan di atas, perbincangan tentang kecerdasan emosi pelajar-pelajar sekolah merupakan satu isu yang amat mustahak dan perlu diberi perhatian. Selain daripada kecerdasan akal yang boleh menjamin tempat belajar di kolej dan institut pengajian tinggi atau memegang jawatan profesional, kemahiran mengawal dan menggunakan kecerdasan emosi secara bijak pula boleh menjamin kesejahteraan hidup manusia. Adalah lebih baik sekiranya kita dapat mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi kebolehan pembelajaran dan tingkah laku seseorang. Di sini, kecerdasan emosi telah dipilih untuk menguji sejauh mana ia boleh mempengaruhi pencapaian akademik serta tingkah laku seseorang pelajar.

Kegagalan pelajar dalam bidang akademik serta berkelakuan yang tidak menepati norma masyarakat adalah disebabkan oleh kekurangan salah satu bidang kecerdasan emosi iaitu kecerdasan interpersonal. Hollin (1993) menyatakan bahawa salah satu kemahiran utama yang perlu dipelajari sepanjang perkembangan seseorang kanak-kanak ialah membentuk kemahiran komunikasi yang berkesan dengan orang lain. Kemahiran interpersonal ini merupakan satu dimensi kecerdasan emosi yang dominan.

Pernyataan masalah

Faktor kecerdasan emosi dilihat sebagai faktor yang mempengaruhi pembelajaran seseorang pelajar. Justeru itu ia akan membawa implikasi terhadap pencapaian akademik mereka. Umumnya pencapaian akademik yang cemerlang sering dikaitkan dengan kecerdasan pelajar yang tinggi sedangkan aspek emosi tidak diberikan penekanan sewajarnya. Walau bagaimanapun, ahli psikologi telah menyedari akan kepentingan peranan kecerdasan emosi pelajar dalam menjayakan pencapaian akademik mereka.

Kajian ini juga akan mengenal pasti dimensi kecerdasan emosi yang mana paling mempengaruhi dan menyumbang kepada hubungan antara kecerdasan emosi pelajar terhadap pencapaian akademik dan tingkah laku mereka. Isu pencapaian akademik yang rendah dan tingkah laku kenakalan pelajar Melayu, walaupun telah diberikan bantuan dan insentif yang banyak oleh kerajaan masih banyak diperkatakan. Adakah kecerdasan emosi mempunyai hubungan kait dengan pencapaian akademik dan tingkah laku pelajar. Semua kita maklum bahawa manusia dikurniakan keupayaan kognitif yang sama tetapi penggunaannya tidak sama. Persoalannya mengapa pencapaian akademik pelajar bukan Melayu lebih tinggi.

Dalam aspek ini, penyelidik ingin melihat dari sudut kecerdasan emosi, apakah ia menjadi salah satu faktor yang turut menyumbang kepada tahap pencapaian akademik dan tingkah laku pelajar.

Objektif kajian

Kajian ini dijalankan berasaskan kepada beberapa objektif yang telah dikenal pasti. Objektif tersebut adalah seperti berikut:

- i. untuk mengetahui jenis-jenis kecerdasan emosi pelajar di sekolah.
- ii. untuk mengetahui pencapaian pelajar dalam bidang akademik di sekolah.
- iii. untuk mengetahui jenis tingkah laku pelajar di sekolah.
- iv. untuk melihat hubungan jenis-jenis kecerdasan emosi dengan pencapaian akademik dan tingkah laku pelajar.

Persoalan kajian

Kajian ini adalah bertujuan untuk menjawab soalan-soalan di bawah:

- i. Apakah jenis-jenis kecerdasan emosi yang dimiliki oleh pelajar.
- ii. Apakah jenis-jenis tingkah laku pelajar di sekolah.
- iii. Apakah pencapaian pelajar dalam bidang akademik di sekolah.
- iv. Adakah terdapat hubungan antara kecerdasan emosi dengan pencapaian akademik.
- v. Adakah terdapat hubungan antara kecerdasan emosi dengan tingkah laku pelajar.

Kepentingan kajian

Kajian ini dijangka dapat mengesan faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik dan tingkah laku seseorang pelajar. Pengukuran dimensi kecerdasan emosi iaitu kesedaran diri, pengawalan emosi, motivasi diri, empati dan kemahiran interpersonal adalah penting untuk melihat bagaimana pengawalan emosi memberi keberkesanan dalam mempertimbangkan sesuatu tugas dan tindakan yang boleh mempengaruhi prestasi akademik dan tingkah laku pelajar.

Apabila telah dikenal pasti setiap dimensi kecerdasan emosi, akan memudahkan para guru membuat perancangan yang lebih bersesuaian dengan keadaan pelajar. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran sekarang peranan guru bukan hanya sebagai penyampai pelajaran malah ia telah meliputi sebagai pembimbing dan peka terhadap perasaan pelajar. Dengan ini guru boleh merangka pendekatan dan aktiviti yang sesuai bagi meningkatkan prestasi akademik dan cara bertingkah laku seseorang pelajar. Kajian juga boleh membantu guru mengubahsuai strategi pengajaran pembelajaran mengikut kesesuaian pelajar bagi menjamin pencapaian akademik dan tingkah laku yang cemerlang.

Batasan kajian

Kajian ini hanya dijalankan ke atas sebilangan pelajar tingkatan empat tahun 2003 kerana mereka telah menduduki peperiksaan PMR yang telah dijadikan panduan piawai pencapaian akademik di dalam kajian ini. Sampel dipilih secara rawak daripada beberapa buah sekolah menengah kebangsaan di daerah Batu Pahat. Daerah Batu Pahat dipilih kerana di daerah ini mula tercetusnya isu pelajar seramai 20 orang telah membelasah seorang rakan mereka dan telah mendapat liputan meluas media serta telah menggemparkan negara.

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menjelaskan perkaitan antara kecerdasan emosi dengan pencapaian akademik dan tingkah laku kenakalan pelajar. Kajian ini juga melihat secara teliti hubungan setiap dimensi kecerdasan emosi terhadap pencapaian akademik dan tingkah laku pelajar.

Populasi Dan Sampel Kajian

Penyelidik akan menggunakan sampel jenis rawak kelompok di mana sampel dipilih berdasarkan rumpunan populasi iaitu pelajar tingkatan 4 di daerah Batu Pahat. Untuk menentukan jumlah saiz sampel, penyelidik telah mendapat bantuan daripada pegawai Maklumat Pejabat Pendidikan Daerah Batu Pahat, Encik Hamzah untuk memperoleh maklumat jumlah keseluruhan populasi kajian iaitu bilangan pelajar tingkatan empat di seluruh daerah Batu Pahat. Didapati populasi pelajar tingkatan 4 di daerah Batu Pahat seramai 5498 orang. Daripada jumlah ini seramai 359 orang pelajar tingkatan 4 yang telah menduduki peperiksaan PMR pada tahun 2003 dipilih secara rawak daripada 4 buah sekolah menengah di daerah tersebut. Penentuan saiz sampel kajian ini adalah berdasarkan formula yang dikemukakan oleh bahagian Penyelidikan 'National Education Association' seperti yang dilaporkan oleh Krejcie dan Morgan (1970).

Alat Ukur Kajian

Sebanyak 380 soal selidik telah diedarkan bagi menjamin bahawa jumlah yang dikehendaki dalam kajian ini dapat dipenuhi dan juga bagi memastikan bahawa hanya jawapan yang lengkap dijadikan sampel dalam kajian ini.

Kajian Rintis

Kajian rintis merupakan jenis penyelidikan berskala kecil sebelum kajian utama dilakukan (Sapsford dan Jupp, 1996). Kepentingannya adalah untuk membina satu set kategori maklum balas tentang setiap soalan yang akan merangkumi secara keseluruhan jawapan yang akan diberikan oleh responden terhadap soal selidik dalam kajian sebenar.

Seramai 10 orang pelajar tingkatan 4 yang bukan daripada responden sebenar telah diambil secara rawak daripada sebuah sekolah. Responden ini dikatakan mempunyai ciri yang sama seperti responden kajian sebenar iaitu pelajar tingkatan 4 yang telah mengambil peperiksaan PMR pada tahun 2003. Nilai alpha kebolehpercayaan terhadap keseluruhan item soal selidik tingkah laku kenakalan pelajar adalah 0.7512 alfa cronbach.

Dapatan dan Perbincangan Persoalan Kajian

Apakah jenis-jenis dimensi kecerdasan emosi yang paling utama dimiliki oleh pelajar?

Secara keseluruhan hasil kajian mendapati bahawa sebilangan besar pelajar mempunyai dimensi kecerdasan emosi motivasi diri yang tinggi dan diikuti pula oleh dimensi kecerdasan emosi pengawalan emosi. Seterusnya disusuli oleh dimensi empati, kemahiran interpersonal dan dimensi kesedaran diri. Maklumat ini menunjukkan bahawa majoriti pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Sardon, Sekolah Menengah Kebangsaan Rengit, Sekolah Menengah Kebangsaan Senggarang dan Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Mahmud Iskandar memiliki dimensi kecerdasan emosi motivasi diri yang tinggi.

Keseluruhan min untuk dimensi kecerdasan emosi motivasi diri ialah 2.37 dan sisihan piawai sebanyak 0.53. Min tertinggi untuk analisis item ialah 3.92 dalam responden berasa sedih apabila melihat kanak-kanak dianiayai dengan 72.7 peratus bersetuju dan 14 peratus tidak bersetuju. Bagi pernyataan yang menunjukkan min kedua tertinggi iaitu 3.88 dengan 72.1 peratus responden senang hati setelah membantu seseorang atau berbuat baik pada orang, manakala 14.2 peratus tidak bersetuju. Pernyataan yang menunjukkan min ketiga tertinggi iaitu 3.88 pula menunjukkan responden akan berasa gembira bersama dengan orang yang gembira. Pernyataan ini menunjukkan 69.9 peratus bersetuju dan 12.6 peratus tidak bersetuju.

Dimensi pengawalan emosi merupakan dimensi kedua tertinggi yang dimiliki oleh pelajar. Keseluruhan min untuk dimensi kecerdasan emosi pengawalan emosi ini ialah 2.29 dan sisihan piawai 0.52. Min tertinggi untuk analisis item ialah 4.11 dalam responden berasa gembira apabila melihat keadaan harmoni sesama manusia dengan 80 peratus bersetuju dan 9.2 peratus tidak bersetuju. Bagi pernyataan yang menunjukkan min kedua tertinggi iaitu 3.87 dengan 22.6 peratus responden berasa seronok berkenalan dengan rakan baru, manakala 50.4 peratus tidak bersetuju. Pernyataan yang menunjukkan min ketiga tertinggi iaitu 3.70 pula menunjukkan responden sedia menerima pandangan baru. Pernyataan ini menunjukkan 65.5 peratus bersetuju dan 13 peratus tidak bersetuju.

Dimensi empati merupakan dimensi ketiga tertinggi yang dimiliki oleh pelajar. Keseluruhan min untuk dimensi kecerdasan emosi empati ini ialah 2.21 dan sisihan piawai 0.46. Min tertinggi iaitu 3.78 dalam responden berasa mesra terhadap orang yang sudi menghulurkan bantuan kepada orang lain dengan 68.8 peratus bersetuju dan 12.9 peratus tidak bersetuju. Bagi pernyataan yang menunjukkan min kedua tertinggi iaitu 3.71 dengan 69.1 peratus responden akan meluangkan masa meraikan rakan walaupun sekejap untuk menjaga hati mereka, manakala 13.3 peratus tidak bersetuju. Pernyataan yang menunjukkan min ketiga tertinggi iaitu 3.71 menunjukkan responden akan menolak jika diminta untuk membuat sesuatu yang tidak diingini. Pernyataan ini menunjukkan 63.5 peratus bersetuju dan 18.1 peratus tidak bersetuju.

Apakah jenis-jenis tingkah laku kenakalan pelajar?

Secara keseluruhannya para pelajar di daerah Batu Pahat mempunyai tingkah laku yang baik dan terkawal. Min keseluruhan tingkah laku kenakalan pelajar di daerah Batu Pahat adalah rendah iaitu 1.03. Ini menunjukkan para pelajar mempunyai tingkah laku terkawal dan mematuhi disiplin.

Walau bagaimanapun terdapat beberapa tingkah laku kenakalan yang kerap dilakukan oleh para pelajar. Antara tingkah laku kenakalan yang mempunyai min tertinggi ialah tingkah laku tidak mementingkan masa. Min bagi tingkah laku ini ialah 1.15. Jadual 4.30 menunjukkan min tertinggi iaitu 1.8 responden akan berkeliaran di kawasan sekolah dengan 42.3 peratus terlibat dan 57.7 peratus tidak terlibat. Bagi tingkah laku yang menunjukkan min kedua tertinggi iaitu 1.69 dengan 36.9 peratus responden pernah makan di kantin di luar waktu rehat, manakala 63.1 peratus tidak terlibat. Tingkah laku yang menunjukkan min ketiga tertinggi iaitu 1.69 pula menunjukkan responden datang lewat ke sekolah. Pernyataan ini menunjukkan 41.7 peratus pernah terlibat dan 58.2 peratus tidak terlibat.

Dapatan kajian menunjukkan para pelajar di daerah Batu Pahat majoritinya gemar membuang masa. Mereka dikesan kerap dan gemar berkeliaran di kawasan sekolah daripada berada di dalam kelas. Makan di kantin di luar waktu rehat dan datang lewat ke sekolah juga merupakan antara tingkah laku yang digemari oleh mereka. Daripada seramai 359 responden yang dikaji hampir separuh pernah terlibat.

Tingkah laku kenakalan yang mempunyai min kedua tertinggi pula ialah tingkah laku kenakalan tidak mementingkan kekemasan diri iaitu 1.13. Min tertinggi iaitu 1.70 responden akan berkeliaran di kawasan sekolah dengan 39.8 peratus terlibat dan 59.9 peratus tidak terlibat. Bagi tingkah laku yang menunjukkan min kedua tertinggi iaitu 1.55 dengan 27.8 peratus responden pernah berambut panjang atau berfesyen rambut keterlaluan, manakala 72.1 peratus tidak terlibat. Tingkah laku yang menunjukkan min ketiga tertinggi iaitu 1.46 pula menunjukkan responden memakai barang-barang perhiasan yang dilarang ke sekolah. Pernyataan ini menunjukkan 28.2 peratus pernah terlibat dan 71.9 peratus tidak terlibat.

Dapatan kajian ini menunjukkan terdapat para pelajar di daerah Batu Pahat yang tidak mementingkan soal kekemasan diri. Tindakan berkuku panjang merupakan antara tingkah laku kenakalan yang popular di kalangan pelajar. Pelajar kaum Cina dan pelajar perempuan di kesan suka menyimpan kuku panjang kerana terpengaruh dengan media massa yang kerap menyiarkan artis yang berkuku panjang iaitu orang signifikan yang mereka ikuti.

Tingkah laku kenakalan yang mempunyai min ketiga tertinggi pula ialah tingkah laku kenakalan ponteng dan lari dari rumah iaitu 1.06. Min tertinggi iaitu 1.59 responden ponteng kelas dengan 36.7 peratus terlibat dan 63.4 peratus tidak terlibat. Bagi tingkah laku yang menunjukkan min kedua tertinggi iaitu 1.53 dengan 31 peratus responden pernah ponteng kegiatan luar bilik darjah, manakala 69 peratus tidak terlibat. Tingkah laku yang menunjukkan min ketiga tertinggi iaitu 1.51 pula menunjukkan responden ponteng sekolah. Pernyataan ini menunjukkan 31.6 peratus pernah terlibat dan 63.4 peratus tidak terlibat.

Adakah terdapat hubungan antara kecerdasan emosi dengan pencapaian akademik pelajar?

Hubungan kecerdasan emosi pelajar dengan pencapaian akademik dianalisis berdasarkan lima jenis dimensi kecerdasan emosi iaitu kesedaran diri, pengawalan emosi, motivasi, empati dan kemahiran interpersonal. Pencapaian akademik pelajar dinilai berdasarkan pencapaian dalam mata pelajaran bahasa Melayu, bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Sejarah, Geografi, Pendidikan Islam, Kemahiran Hidup dan bahasa Cina.

Hasil kajian menunjukkan pekali korelasi antara kecerdasan emosi dengan pencapaian akademik pelajar ialah $r = -1.63$ pada aras keertian $p \leq 0.01$. Hal ini menunjukkan terdapat hubungan antara kecerdasan emosi dengan pencapaian akademik pelajar. Ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara kecerdasan emosi dengan pencapaian akademik pelajar. Walau bagaimanapun nilai pekali korelasi ini adalah lemah. Hal ini menunjukkan bahawa kecerdasan emosi bukan faktor penentu utama tahap pencapaian akademik pelajar.

Dapatan kajian menunjukkan hanya mata pelajaran Bahasa Melayu, sejarah, Geografi dan Pendidikan Islam mempunyai hubungan yang signifikan dengan kecerdasan emosi. Ini disebabkan bahawa keempat-empat mata pelajaran ini ada melibatkan aspek afektif. Aspek afektif adalah mempunyai hubungan yang rapat dengan emosi seseorang.

Bagi mata pelajaran seperti matematik dan sains tidak terdapat hubungan yang signifikan dengan kecerdasan emosi. Ini disebabkan kemahiran yang diperlukan di dalam matematik ialah bersifat logikal dan kurang penekanan terhadap aspek afektif. Kecerdasan intelek adalah lebih penting untuk memahami konsep dan aplikasinya.

Manakala hasil penelitian terhadap dimensi-dimensi kecerdasan emosi, didapati dimensi pengawalan emosi, motivasi, empati dan kemahiran interpersonal sahaja menunjukkan hubungan yang signifikan terhadap pencapaian akademik pelajar dengan nilai korelasi $r = 0.15$ pada paras keertian $p \leq 0.05$. Manakala dimensi kesedaran diri tidak berkaitan dengan pencapaian akademik pelajar.

Bagi dimensi pengawalan emosi dapatan kajian menunjukkan dimensi pengawalan emosi mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik pelajar. Para pelajar yang mempunyai keupayaan mengawal emosi tidak akan bertindak secara gopoh. Mereka lebih tabah dan tenang dalam menjalankan tugas. Keupayaan mengawal emosi membolehkan pelajar menghadapi pembelajaran dengan lebih baik tanpa dipengaruhi unsur-unsur kerisauan, takut gagal atau tidak yakin pada diri.

Bagi dimensi kecerdasan emosi motivasi, kajian menunjukkan dimensi motivasi mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik pelajar. Para pelajar yang mempunyai motivasi akan mempunyai dorongan untuk berjaya. Mereka lebih berkeyakinan dalam melakukan tindakan.

Bagi dimensi kecerdasan emosi empati kajian menunjukkan dimensi empati mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik pelajar. Para pelajar yang mempunyai empati adalah sensitif terhadap persekitaran dan boleh menyesuaikan diri dengan suasana seperti gembira, mesra, marah, sedih atau sakit hati. Para pelajar ini akan lebih disenangi oleh rakan dan akan mewujudkan suasana gembira untuk menghadapi pembelajaran yang secara tidak langsung meningkatkan pencapaian akademik.

Bagi dimensi kecerdasan emosi kemahiran interpersonal kajian menunjukkan dimensi kemahiran interpersonal mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik pelajar. Para pelajar yang mempunyai kemahiran interpersonal lebih pandai bersosial. Mereka tidak akan menghadapi kesukaran dalam menjalin hubungan dengan rakan sebaya, selalu bertindak secara positif dan akan membantu dalam pencapaian akademik yang baik.

Adakah terdapat hubungan antara kecerdasan emosi dengan tingkah laku kenakalan pelajar?

Hasil kajian menunjukkan pekali korelasi antara kecerdasan emosi dengan tingkah laku kenakalan pelajar ialah $r = 0.03$ dan aras signifikan 0.53. Hal ini menunjukkan hubungan yang lemah dan tidak terdapat hubungan antara kecerdasan emosi dengan tingkah laku kenakalan pelajar. Ini bermakna kecerdasan emosi bukan faktor terpenting terhadap tingkah laku kenakalan pelajar. Mungkin terdapat faktor lain yang lebih penting seperti status sosio ekonomi keluarga, gangguan emosi atau sikap pelajar yang memberi rangsangan terhadap tingkah laku kenakalan pelajar.

Cadangan

Hasil daripada rumusan serta perbincangan, beberapa cadangan dikemukakan bagi meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Cadangan yang telah dikenal pasti ialah:

- i. Para guru perlulah mempunyai kemahiran untuk mengeksploitasi kelebihan-kelebihan yang terdapat pada setiap dimensi kecerdasan emosi pelajar. Oleh sebab kecerdasan emosi merupakan satu sifat yang boleh dipupuk dan dikembangkan, guru perlu ada pengetahuan tentang kecerdasan emosi agar dapat membantu meningkatkan kecerdasan emosi pelajarnya.
- ii. Guru hendaklah memberi tunjuk ajar kepada pelajar tentang strategi mengendali masalah emosi, cara bekerjasama dengan orang lain, membantu pelajar mengenal pasti kelebihan dan kelemahan pada dirinya. Apabila pelajar berupaya mengawal emosi mereka akan dapat memberikan penumpuan terhadap proses pembelajarannya.
- iii. Pendidik hendaklah mewujudkan suasana bilik darjah yang menyeronokkan seperti mengadakan perbincangan kumpulan supaya pelajar boleh berinteraksi antara satu sama lain. Aktiviti ini memberi peluang kepada pelajar mengetahui perasaan rakan dan mendapat maklum balas terhadap tindakan yang diambil iaitu perasaan empati. Pelajar yang mempunyai empati lebih mudah memenuhi permintaan dan kehendak pendidik serta memberi tindak balas dengan segera.
- iv. Ibu bapa adalah berperanan penting dalam menentukan proses perkembangan emosi pelajar menjadi sempurna. Kesedaran ibu bapa terhadap kecerdasan emosi anak-anak mereka akan dapat membantu meningkatkan tahap kecerdasan yang dimiliki.

Cadangan Untuk Kajian Lanjutan

Pada masa hadapan, beberapa kajian lanjutan boleh dicadangkan supaya pengambilan sampel diambil daripada lebih banyak sekolah. Pengambilan sampel daripada empat buah sekolah menengah adalah tidak mencukupi kerana bilangan sekolah masih kecil apabila dibandingkan dengan lima jenis dimensi kecerdasan emosi dan sembilan jenis tingkah laku kenakalan pelajar. Adalah dicadangkan agar dilaksanakan satu kajian

secara menyeluruh mengenai hubungan kecerdasan emosi dengan pencapaian akademik dan tingkah laku kenakalan pelajar.

Sampel kajian ini telah memfokuskan kepada pelajar tingkatan empat yang telah menduduki peperiksaan PM. Adalah disarankan agar kajian diperluaskan dengan dilakukan kajian ke atas setiap tingkatan untuk mengetahui sejauh mana hubungan kecerdasan emosi dengan peningkatan umur pelajar terhadap pencapaian akademik dan tingkah laku kenakalan. Oleh yang demikian guru-guru telah mempunyai pengetahuan dan kemahiran tentang kecerdasan emosi yang ada.

Kajian seumpama ini diharapkan dapat dijalankan dari semasa ke semasa mengikut keperluan dan dicadangkan juga diadakan kajian untuk melihat perbandingan antara kecerdasan kognitif dan kecerdasan emosi terhadap pencapaian akademik dan tingkah laku kenakalan pelajar. Ini akan dapat memberi satu gambaran yang jelas tentang faktor manakah yang lebih dominan.

Kajian ini hanya mengambil pemboleh ubah kecerdasan emosi dengan pencapaian akademik dan tingkah laku kenakalan pelajar. Pemboleh ubah yang lain juga perlu diberi perhatian seperti persekitaran sekolah, status sosio ekonomi, peranan ibu bapa, konsep sendiri dan guru.

Adalah diharapkan dari cadangan-cadangan yang telah dikemukakan, akan dapat membantu meningkatkan pencapaian akademik dan tingkah laku pelajar. Kajian dalam bidang kecerdasan emosi masih boleh dikatakan baru dan belum banyak dilakukan oleh penyelidik. Juga diharapkan agar hasil kajian ini akan menggerakkan lebih ramai penyelidik menjalan kajian di dalam bidang kecerdasan emosi.

BIBLIOGRAFI

Abd Rahim Abd Rashid (1999). *Kemahiran berfikir merentasi kurikulum*.
Shah Alam : Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.

Abdul Latif Mohd Ali. (1984). Kaunseling dalam pendidikan menengah. *Jurnal Perkama 1* : 13 – 20

Allport, G. W. (1981). *Early American Academic Theory. An introduction to theories of personality*. New York : Academic Press Inc.

Ariffin, H.M (1987). *Psikologi dan Beberapa Aspek Kehidupan Rohaniyah Manusia*.
(2nd. Ed). Jakarta.

Atan Long. (1988). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka

Baron, P., & Joly, E. (1988). Sex differences in the expression of depression in adolescence. *Sex Roles*, 18, 1 – 7

Berger, R. & Schecthtar, U. (1989). Adolescence girls in distress – A high risk intersection. *Adolescence*, 24 (94), 357 – 375

Brook, Whiteman, & Cohen. (1995). Adolescent school experience and dropout, Adolescent pregnancy & young adult deviant behavior. *Journal of education Research* , 98, 10.

- Chiam H. (1976). Problem of adolescence in Malaysia. Dalam proceeding : *Asian Workshop in child & adolescence development*. Jakarta : University of Indonesia.
- Chiam, H. K. (1976). "A study of self concepts of form 4 students in a urban area and some of its correlates". Ph.D thesis 1976, 5-17, 105.
- Cohen, A.K (1973). *Delinquent boys; The culture of the gang*. New York: Free Press Of Glencor
- Cross, G. R. (1974). *The Psychology of Learning: An introduction for students of education*. Oxford : Pergamon Press.
- Crow, L.D. Crow, A (1983). *Psikologi Pendidikan Untuk Perguruan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Goleman, D. (1995). *Emotional Intelligence : Why it can matter more than IQ*. New York : Bantam Books.
- Hall, G.S (1904). *Adolescence*. New York: Appleton
- Hassan Langgulung, (1977). Masalah pelajar-pelajar sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan*. 5 : 44 – 56
- Jamaliah Ahmad (1988). *Masalah pelajar di Sekolah Menengah Bandar & Luar Bandar* Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Krejcie, R. V., and Morgan, D. W. (1970). Determining sample for research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.
- Mahmood Nazar Mohamed (1992). *Pengantar Psikologi: Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa dan Tingkah Laku Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mayer, J. D., and Salovey, P. (1997). What is emotional of emotional intelligence. *Intelligence*, 17, (4), 433-442
- McDougall, W. (1928). Emotion and feeling distinguished. Dalam Strongman, K.T. (1973). *The psychology of emotion*. Great Britain: The Garden City Press Ltd.
- Mustafa Hj Daud (1996). *Beberapa aspek pemikiran al Maududi*. Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shaffer, D. R. (1996). *Developmental psychology : Childhood and adolescence* (4th ed). Cole : Brooks.